



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

ALLAH LOVES CLEANLINESS ALLAH MENYAYANGI KEBERSIHAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Anzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Rabeem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Allah ﷻ sungguh indah dan dia menyayangi semua yang indah. Keindahan di sini bermaksud amalan yang baik. Maka apa yang di perintah untuk kita, baik apa sahaja perintah adalah bertujuan untuk kita hidup dalam suasana keindahan demi untuk menikmati keindahan pada hari akhirat.

Inshallah, suatu bentuk keindahan ialah kebersihan. Di mana sahaja tempat yang di kunjungi dia perlu meninggalkan tempat itu dalam keadaan bersih. Ia tidak dapat berterusan jika seorang membersihkan dan seorang mengotorkan nya dengan membuang sampah sarap. Ia lebih selesa jika semua orang bergotong royong untuk membersihkan sesuatu tempat dan pasti suasana akan menjadi indah. Junjungan kita Rasulullah ﷺ bersabda, “Kebersihan Adalah Separuh Daripada Iman”(Riwayat Muslim). Kebersihan amat penting. Ia adalah suatu perkara yang di tuntutan oleh agama Islam. Ia tidak di tuntutan dengan desak oleh agama lain.

Taharat bermakna kebersihan yang membawa maksud kesucian. Kekotoran walaupun sedikit tidak boleh di terima. Jujungan kita Rasulullah ﷺ bersabda dengan maksud nya “Barangsiapa yang mandi junub mesti memastikan tiada suatu tempat badan kita walaupun sekecil pin tidak di bersihkan dengan air” Ini menunjukkan betapa penting nya menjaga kebersihan. Ia juga mengajar kita untuk berwaspada untuk menjaga kebersihan. .

Orang orang yang tidak beriman adalah kotor dan tidak suci. Termaktub dalil nya dalam Al Quran yang bermaksud Jangan berfikir mereka bersih tetapi mereka kotor. Maka berprihatinlah terhadap kebersihan dan jangan mengotorkan. Kebersihan adalah perintah Allah dan anda akan memperolehi pahala jika anda melaksanakan nya. .



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

Moga Allah ﷻ menjadikan kita hamba yang bersih. Bersih dalam segi rohani dan jasmani. Ada orang kotor dalam rohani. Moga Allah membersihkan kerohanian kita. Bila rohani tidak bersih ia akan membawa padah pada diri kita dan juga orang lain.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
27 July 2016/23 Shawwal 1437
Sabah Namaz, Akbaba Dargah